

## Malaysia ketandusan pekerja mahir isi bidang teknologi

Oleh [Hazwan Faisal Mohamad](#) - September 10, 2021 @ 8:50pm

[hazwanfaisal@mediaprima.com.my](mailto:hazwanfaisal@mediaprima.com.my)



Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba - Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Malaysia menghadapi kebimbangan yang ketara berikutan kekurangan pekerja berkemahiran tinggi untuk memenuhi permintaan industri, terutama teknologi baharu dan baru muncul.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata berdasarkan senarai Negara-Negara Terkemuka Dunia Bagi Pekerjaan Berkemahiran Tinggi, Luxembourg mendahului dengan 59.5 peratus pekerjaan berkemahiran tinggi, diikuti oleh Singapura 54.7 peratus dan Switzerland 51.3 peratus.

Katanya, Amerika Syarikat (AS) jatuh pada kedudukan terbawah dalam senarai dengan kira-kira 42.2 peratus pekerjaan berkemahiran tinggi.

"Oleh itu, saya berharap supaya Malaysia mempunyai sekurang-kurangnya 45 peratus bakat berkemahiran tinggi untuk bersaing dengan negara-negara ini.

"Kita sedang berada di era modenisasi di mana pengaplikasian teknologi baharu seperti Kecerdasan Buatan (AI); Internet of Things (IoT); 'Blockchain', penyimpanan awan, robotik serta inovasi berpaksikan manusi menjadi keperluan dalam kehidupan pada hari ini.

"Penguasaan dalam pelbagai kemahiran adalah amat diperlukan dalam usaha untuk mengubah pemikiran serta meningkatkan kemahiran rakyat terhadap kesediaan menghadapi Revolusi Industri Keempat (IR4.0)," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada Siri Webinar Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) - Edisi Khas yang bertemakan 'Accelerating Nation's High-Skilled Talent' secara maya hari ini.

Mengulas lanjut, Adham berkata MBOT disaran untuk menghasilkan satu pelan yang berorientasikan pembangunan bakat berkemahiran tinggi selain daripada dasar sedia ada yang berorientasikan libat urus serta keperluan bakat.

Beliau berkata, pelan hala tuju itu akan bertindak sebagai panduan bagi mencapai agenda nasional ke arah negara berkemahiran tinggi.

"Saya menaruh harapan supaya perkara ini menjadi kenyataan," katanya.

Dalam pada itu, Adham berkata semua sedia maklum mengenai situasi terkini COVID-19 yang menjejaskan pertumbuhan ekonomi global.

Epidemik itu juga, katanya memberikan impak yang ketara kepada ekonomi, kesihatan serta sosial negara, mengakibatkan banyak syarikat terpaksa ditutup dan ribuan rakyat kehilangan pekerjaan.

Beliau berkata, ramai yang menjadi takut untuk melakukan aktiviti harian di luar, termasuk untuk pergi bekerja kerana risau berjangkit dengan wabak ini.

"Saya percaya bahawa negara kita sudah menemui cahaya di hujung terowong. Kita akan dapat menangani situasi yang mencabar ini dan tidak lama lagi, negara kita akan beransur pulih.

"Usaha yang progresif daripada 'Keluarga Malaysia' menunjukkan hasil bahawa negara sudah mula bergerak ke arah pemulihan dari segi kesihatan, sosial, serta pertumbuhan ekonomi.

"Oleh yang demikian, negara kita memerlukan bakat yang tepat bagi tujuan pemulihan ini. Industri juga perlu menerapkan strategi baharu dalam penggunaan teknologi baharu untuk terus berdaya saing dengan rangkaian global," katanya.